

Headline	Van khas untuk perwakilan pelajar		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	02 Jan 2013	Language	Malay
Circulation	238,082	Readership	833,287
Section	News	Color	Full Color
Page No	26	ArticleSize	97 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 914	PR Value	RM 2,743



# Van khas untuk perwakilan pelajar

KUBANG PASU 1 Jan. - Dalam memastikan tugas menjaga kebajikan pelajar dapat berjalan lancar dan pada masa yang sama memudahkan urusan dalam dan luar kampus, pihak pengurusan tertinggi Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menyerahkan van khas kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM, baru-baru ini.



Majlis Penyerahan yang berlangsung di EDC-UUM, menyaksikan Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Is-hak menyerahkan replika kunci van kepada Yang DiPertua (YDP) MPP, Ku Amirul Faiz Ku Seman.

Ku Amirul Faiz berkata, pemberian van ini menjadi bukti bahawa pihak pentadbiran prihatin dengan kebajikan pelajar, malah merupakan salah satu janji yang telah ditunaikan oleh mereka serta lebih awal daripada yang dijangkakan.

“Sebelum ini kenderaan merupakan salah satu kekangan kita dalam menjalankan pelbagai urusan dan pemberian ini akan memudahkan kita dalam menjaga kebajikan rakan-rakan mahasiswa. .

“Terima kasih kepada pihak pengurusan universiti dalam memperuntukan sebuah van khas untuk kegunaan MPP,” katanya di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Van Toyota Hiace yang diterima itu mampu memuatkan 12 penumpang dalam satu-satu masa dan akan memudahkan lagi kelancaran pergerakan perwakilan pelajar berkenaan dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan.